

## EKOPELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DAN CABARAN DI AIR TERJUN MURUG TURUG, TAMPARULI, SABAH

**COMMUNITY BASED ECOTOURISM (CBE) AND CHALLENGES IN MURUG TURUG WATERFALLS, TAMPARULI, SABAH**

**Siti Rahmah Galib<sup>1</sup>**

**Rosazman Hussin<sup>2\*</sup>**

**Jalihah Md Shah<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: sitirahmahgalib@gmail.com)

<sup>2</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: azzs@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: jalihah@ums.edu.my)

\* Corresponding author: Rosazman (azzs@ums.edu.my)

### Article history

**Received date** : 13-11-2024

**Revised date** : 14-11-2024

**Accepted date** : 15-12-2024

**Published date** : 19-12-2024

### To cite this document:

Galib, S. R., Hussin, R., & Md Shah, J. (2024). Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) dan cabaran di air terjun Murug Turug, Tamparuli, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 87-102.

**Abstrak:** Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) di Air Terjun Murug Turug, Kampung Minangkob, Tamparuli, Sabah. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai pelaksanaan dan cabaran Ekopelancongan Berasaskan Komuniti sebagai salah satu pusat pelancongan yang mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Penglibatan ahli komuniti dalam aktiviti ekopelancongan bukan sahaja dapat menjana pendapatan, tetapi juga membuka peluang pekerjaan kepada komuniti, khususnya kepada penduduk setempat. Secara umum, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Ekopelancongan Berasaskan Komuniti di Air Terjun Murug Turug berjaya menarik minat komuniti setempat untuk terlibat, kerana penglibatan komuniti merupakan salah satu faktor penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Oleh itu, setiap pembangunan dalam bidang ini memerlukan penglibatan komuniti secara holistik. Kaedah kutipan data yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui pendekatan kualitatif iaitu temubual mendalam dan pemerhatian. Dapatan kajian mendapat terdapat beberapa aktiviti ekopelancongan yang dilaksanakan di kawasan Air Terjun Murug Turug seperti camping, trekking dan mandi manda. Secara keseluruhan, tahap penglibatan komuniti dalam Ekopelancongan Berasaskan Komuniti di Air Terjun Murug Turug adalah ditahap kendiri. Walaupun terdapat cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam perlaksanaan aktiviti ekopelancongan berdasarkan komuniti di kawasan ini.

**Kata Kunci:** Penglibatan Komuniti, Tahap Pengibatan Komuniti, Cabaran dalam aktiviti ekopelancongan.

**Abstract:** This research was conducted to study Community-Based Ecotourism (CBE) at Murug Turug Waterfall, Kampung Minangkob, Tamparuli, Sabah. This study aims to evaluate the implementation of Community-Based Ecotourism as one of the tourism centers capable of attracting tourists from within and outside the country. The involvement of community members in ecotourism activities can generate income and initiate job opportunities for the community, especially for residents. In general, this study shows that community-based ecotourism at Murug Turug Waterfall has attracted the local community's interest because community involvement is one of the important factors contributing to the national economy. Therefore, every development in this area requires holistic, and self mobilisation community involvement. The research method used in obtaining data in this research is qualitative through in-depth interviews, and observation. This study indicated several ecotourism activities have been carried out in the Murug Turug Waterfall area. Overall, the local community participation level in this Community-Based Ecotourism at Murug Turug Waterfall is self-mobilisation. Despite the challenges faced, this ecotourism activity can still be implemented well.

**Keywords:** Community involvement, level of community involvement, challenges in ecotourism activities.

---

## Pengenalan

Pelancongan menjadi semakin penting kerana industri ini dapat membantu dalam memperkembangkan ekonomi negara sekaligus banyak menyumbang kepada pendapatan serta pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Perkara ini secara tidak langsung dapat mempertingkatkan kualiti hidup komuniti setempat melalui peluang-peluang pekerjaan yang wujud dalam sektor pelancongan ini. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kerajaan telah menasarkan ketibaan 24.3 juta pelancong antarabangsa dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM73 Bilion pada tahun 2025. Kerajaan juga telah menetapkan sasaran sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, sektor pelancongan adalah penting bagi Malaysia. Ini kerana sektor pelancongan mampu menjana pulangan pendapatan yang tinggi serta berupaya memacu ekonomi negara terutamanya melalui pertukaran wang asing (Mathieson & Wall, 1982). Keadaan aktiviti pelancongan di Malaysia khususnya di Sabah telah mendapat sambutan selepas pandemik COVID-19 yang melanda. Menurut Dato' Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), beliau menjelaskan bahawa tempoh bagi tahun 2021 hingga 2025 merupakan fasa yang kritikal bagi pemuliharaan industri pelancongan. Pelan Strategik MOTAC 2021-2025 ini telah mengambil kira usaha-usaha untuk memulihar dan merancakkan semula industri pelancongan dan kebudayaan negara.

Dalam Pelan strategik MOTAC 2021-2025, Kementerian mempunyai tanggungjawab penting, untuk mengimbangi pembangunan serta pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara termasuk alam sekitar, budaya dan warisan dalam sesebuah negara. Matlamat Kementerian adalah untuk menjenamakan Malaysia sebagai *Top of The Mind Ecotourism Destination of the World*. Pelan strategik ini memberikan pendedahan umum kepada masyarakat dunia mengenai keunikan Malaysia sebagai salah satu negara yang kaya dengan aktiviti ekopelancongan. Justeru itu, diharapkan kelestarian sumber alam semula jadi ini boleh memacu pertumbuhan ekonomi baharu di samping mewujudkan peluang pekerjaan kepada segenap lapisan masyarakat.

Negeri Sabah dianugerahkan kekayaan alam semula jadi dan keunikan budaya yang memberikan kelebihan daya saing dalam ekopelancongan. Sikap menghormati dan meraikan alam semula jadi telah menjadi sebahagian daripada budaya setempat. Oleh itu, amalan lestari telah pun wujud secara meluas di Sabah. Langkah ini bertujuan memelihara khazanah semula jadi dan seterusnya meningkatkan punca pendapatan komuniti setempat serta memastikan daya maju ekonomi khazanah tersebut untuk jangka masa panjang. Aktiviti ekopelancongan memberikan peluang kepada ahli komuniti setempat sebagai sumber rezeki yang berasaskan alam semula jadi yang unik di samping dapat melindungi kawasan semula jadi. Penganjuran aktiviti ekopelancongan yang terdapat di Air Terjun Murug Turug Kampung Minangkob, Tamparuli, Sabah, antaranya seperti mendaki bukit, mengharungi sungai, air terjun, berkelah, berkhemah, memberi ikan makan, mengenali tumbuh-tumbuhan hutan dan jenis-jenis serangga. Kepelbagaiannya aktiviti ekopelancongan ini telah dirancang oleh komuniti kampung Minangkob bagi meningkatkan dan membangunkan kawasan kampung mereka dengan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara. Namun setiap pelaksanaan aktiviti ekopelancongan mempunyai cabaran yang perlu dihadapi oleh ahli komuniti. Isu inilah menjadi fokus utama perbincangan dalam penulisan makalah ini.

### Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga sub-tema utama iaitu definisi konsep utama kajian, teori pembangunan pelancongan mampan, tipologi penglibatan komuniti dan ulasan kajian lepas seperti berikut:

### Definisi Konsep Utama Kajian

#### Aktiviti Ekopelancongan

Makna konsep pelancongan secara umum adalah sebagai pergerakan sementara manusia ke destinasi yang lain di luar tempat kerja dan tempat tinggal. Manakala aktiviti pelancongan meliputi segala kegiatan yang dilakukan oleh seseorang selama ia tinggal di destinasi tersebut seperti membeli belah, dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan, serta menggunakan kemudahan yang disediakan di destinasi yang dilawati untuk memenuhi segala keperluannya (Badaruddin Mohamed dan Nikmatul Adha Nordin, 2007). Tidak dapat dinafikan pada masa kini ekopelancongan merupakan salah satu aktiviti pelancongan yang semakin popular dan digemari ramai oleh pelancong pada masa kini.

Manakala ekopelancongan pula merupakan salah satu produk pelancongan yang semakin terkenal pada masa kini. Secara amnya, produk ekopelancongan dilihat seperti hutan rimba, haiwan liar, air terjun, tasik dan sungai amat memberikan impak positif dari sudut pembangunan ekopelancongan negara Malaysia. Aktiviti ekopelancongan yang di maksudkan adalah seperti *jungle trekking*, *hill trekking*, *wildlife viewing*, *camping* dan menikmati budaya hidup komuniti setempat atau orang asal. Semua aktiviti ini boleh menghasilkan faedah dalam bentuk ekonomi kepada penduduk setempat dan kerajaan (Nor Hizami Hassin, 2019). Oleh itu, *Eco-tourism Society* (1982) mentakrifkan konsep ekopelancongan adalah sebagai lawatan yang dirancang ke kawasan alam semulajadi untuk memahami sejarah budaya dan alam sekitar di samping menghasilkan peluang ekonomi, sumber alam semulajadi dipelihara dan masyarakat tempatan mendapat faedah kewangan.

### **Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Ecotourism-CBE*)**

Ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) telah diistilahkan dengan maksud yang pelbagai. Namun, Fennell (2001) berjaya menganalisis bahawa terma CBE mempunyai kata kunci seperti pemuliharan, pendidikan, etika, kelestarian, impak dan manfaat komuniti merupakan boleh ubah yang baik untuk mewakili kajian-kajian terbaru. Namun, Goodwin dan Santilli (2009), menjelaskan konsep CBT adalah saranan pembangunan dimana keperluan sosial, alam sekitar dan ekonomi masyarakat tempatan boleh dipenuhi melalui penawaran produk pelancongan. Ini kerana majoriti institusi pelancongan berasaskan komuniti adalah hasil daripada pembangunan yang dikendali oleh komuniti tempatan itu sendiri (Goodwin dan Santilli, 2009), iaitu tanpa bergantung kepada bantuan kewangan daripada pihak pemerintah. Dalam makalah ini pengkaji menggunakan istilah CBE kerana kajian yang dilakukan lebih mengkhusus kepada ekopelancongan berbanding pelancongan. Komuniti kawasan kajian dilihat menggunakan sumber-sumber alam semula jadi untuk membangunkan aktiviti ekopelancongan.

### **Komuniti Setempat**

Paul Spicker (1995) mendefinisikan komuniti sebagai sekumpulan manusia yang dikaitkan dengan ciri atau budaya yang sama. Sekumpulan manusia atau ahli komuniti ini dihubungkan melalui hubungan sosial, mereka tinggal di kawasan geografi yang sama dan terhad, ahli komuniti mempunyai minat dan kepentingan bersama. Makna ahli komuniti setempat ini difahami dengan menggunakan perspektif geografi. Hal ini kerana keperluan asas bagi komuniti untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka adalah dengan menggunakan sumber-sumber alam semula jadi seperti tanah, hutan dan sungai yang ada dalam kawasan kediaman mereka.

### **Teori Pembangunan Pelancongan Mampan (*Sustainable Tourism Development*)**

Konsep *Sustainable Tourism Development* telah diperkenalkan oleh *World Commission on Environment and development* (WCAD-Brundtland Report, 1987). Prinsip asas persektif teori ini adalah, “*Sustainable development is development that meets the needs of present without compromising the ability of future generation to meet their own needs*”. Dari pernyataan tersebut difahami bahawa pembangunan pelancongan mampan adalah sebahagian dari teori induk pembangunan mampan iaitu mempertimbangkan keperluan pada saat ini dengan tidak mengabaikan keperluan generasi yang akan datang dalam konteks pelancongan.

### **Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Pretty (1995)**

Penglibatan ahli komuniti dalam ekopelancongan boleh dilihat dalam proses membuat keputusan dan bentuk faedah yang terhasil daripada aktiviti ekopelancongan luar bandar tersebut. Tipologi mengenai penglibatan komuniti yang diperkenalkan oleh pengkaji pelancongan seperti Mowforth & Munt (1998), Timothy (1999), dan Pretty (1995) merangkumi pelbagai aspek, termasuk aspek fizikal dan sokongan moral. Bagi melihat penglibatan komuniti itu dalam proses pembangunan pelancongan luar bandar, (Pretty, 1995, Kalsom Kayat dan Nor Ashikin, 2005), merangka satu tipologi untuk menerangkan bentuk dan tahap penglibatan komuniti dalam program ekopelancongan terutama aktiviti pelancongan luar bandar. Tipologi Pretty 1995 menggariskan tujuh peringkat tahap penglibatan komuniti dalam pembangunan seperi berikut:

**Jadual 1: Tipologi Penglibatan Komuniti oleh Pretty, 1995**

<b>Tipologi</b>	<b>Ciri-ciri</b>
Penglibatan manipulatif	Pura-pura terlibat dengan penduduk, memegang jawatan dalam kumpulan perancang, tetapi tidak menerusi pemilihan. Dengan itu, tiada kuasa dalam membuat keputusan.
Penglibatan pasif	Penduduk melibatkan diri setelah diberitahu mengenai keputusan yang telah dibuat oleh pengurusan luar. Maklum balas dari komuniti tidak diminta kerana lebih mengutamakan pendapat professional luar.
Penglibatan melalui perundingan	Masih tiada kawalan daripada komuniti tempatan terhadap proses pembangunan pelancongan, perkongsian maklumat hanyalah sehala, manakala professional tidak perlu menerima pendapat komuniti tempatan.
Penglibatan bermotivasikan pulangan material	Melibatkan diri dengan menawarkan sumber (tenaga buruh) bagi mendapatkan makanan, wang dan insentif kebendaan yang lain.
Penglibatan Fungsi	Agensi luar melihat penglibatan komuniti merupakan pemangkin untuk mencapai objektif projek dan dapat mengurangkan kos. Penglibatan adalah dua hala dan melibatkan perkongsian dalam membuat keputusan tetapi penglibatan hanya terjadi setelah keputusan dibuat oleh pihak luar.
Penglibatan interaktif	Penduduk terlibat dalam analisis projek dan pembentukan pelan tindakan. Penglibatan dilihat sebagai satu hak, bukan hanya sebagai ejen untuk mencapai matlamat projek. Kumpulan perancang mengawal keputusan penduduk tempatan dan menentukan bagaimana sumber yang ada digunakan. Dengan itu, mereka mempunyai kepentingan dalam memastikan struktur dan kaedah dipatuhi.
Penglibatan kendiri	Penduduk sendiri mengambil inisiatif untuk menggerakkan projek pembangunan. Mereka menjalankan hubungan dengan institusi luar untuk bantuan teknikal dan khidmat nasihat. Penglibatan jenis ini memerlukan kerangka sokongan dasar daripada kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Sumber: Pretty, 1995 dalam Kalsom Kayat & Nor Ashikin (2005)

Tujuh peringkat dalam Tipologi Pretty menekankan kepentingan tahap penglibatan komuniti sebagai elemen utama dalam kejayaan aktiviti ekopelancongan. Setiap peringkat menggambarkan tahap penglibatan komuniti dari peringkat rendah hingga ke peringkat paling tinggi, yang mana penyertaan aktif ahli komuniti dapat memastikan pemeliharaan sumber alam semulajadi. Keseluruhan proses pembangunan ekopelancongan ini menunjukkan bahawa kejayaan aktiviti ekopelancongan sangat bergantung pada tahap keterlibatan dan sokongan komuniti tempatan.

### **Teori Modal Sosial**

Teori Modal Sosial yang dibangunkan oleh Pierre Bourdieu (1986) telah diperbaharui oleh Coleman (1988) dan Putnam (1993) dimana ketiga-tiganya menyatakan perbezaan ciri-ciri yang wujud dalam struktur modal sosial. Bagi Coleman (1988), modal sosial wujud dalam struktur hubungan individu dan sebahagiannya tidak ketara. Perkara ini dicapai melalui pembentukan sosial yang dibina dari masa ke masa. Manakala menurut Putnam (1993), modal

sosial mempunyai aspek fungsional turut dipengaruhi oleh pelbagai sifat pluralisme dan komuniti. Modal sosial menurut Putnam mempunyai tiga komponen iaitu norma sosial, nilai sosial dan rangkaian sosial. Aktiviti produktif daripada modal sosial menunjukkan kapasiti komuniti untuk mengkoordinasi dan bekerjasama untuk kepentingan bersama adalah mudah dicapai.

### **Ulasan Kajian Lepas**

Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman (2014), dalam artikel yang bertajuk, "Pelancongan mapan berdasarkan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia" (*Sustainable community-based tourism (CBT) through homestay programme in Sabah, East Malaysia*). Fokus dan isu utama kajian ini adalah penglibatan ahli komuniti melalui CBT. Program homestay adalah salah satu aktiviti pelancongan yang berasaskan kepada penglibatan komuniti yang mempunyai potensi untuk berkembang dan membangunkan masyarakat luar bandar. Bagi menjayakan program ini, pihak yang terlibat khususnya pengusaha homestay perlu mengenal pasti langkah yang boleh memberi kepuasan pelancong dan pada masa yang sama bermanfaat kepada mereka. Beberapa langkah yang perlu di ambil perhatian oleh pengusaha homestay agar program homestay dapat di bangunkan. Pengusaha homestay turut berusaha dalam mengekalkan program homestay supaya dapat berterusan dalam jangka masa yang panjang. Artikel ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis tahap pelancong domestik di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah. Berdasarkan artikel ini, hasil kajian mendapati kesemua pelancong domestik berpuas hati terhadap kemudahan, perkhidmatan serta tahap keselamatan baik yang di sediakan oleh pengusaha homestay dan komuniti yang terlibat. Antara perkara yang utama dalam kajian ini dapat membantu banyak pihak termasuk pengusaha homestay bagi memudahkan program homestay berkekalan adalah dengan mengetahui keinginan para pelancong domestik.

Azhar Abdul Gani (2013), dalam artikel yang bertajuk, "Memahami Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Lestari". Penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan telah menjadi isu strategi dalam konteks pembangunan lestari. Kejayaan pembangunan pelancongan menghendaki penglibatan ahli komuniti sama ada dalam proses pengambilan keputusan mahupun faedah yang dibawa oleh pelancong. Maka ini mempunyai objektif memaparkan isu-isu berkenaan dengan penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan. Kajian ini juga meninjau bagaimana penduduk melibatkan diri dalam program-program pembangunan pelancongan.

Kajian oleh Amaano Fau (2020) yang bertajuk, "Studi Kanekaragaman Hayati Sebagai Sarana Edukasi Ekowisata Di Kawasan Air Terjun Bahi Majo Desa Bawodobora, Sumatera Utara, Indonesia". Pada masa kini, kawasan pelancongan hanya berfokus kepada keindahan air terjun, manakala pendedahan pendidikan masih kurang dalam aktiviti ekopelancongan. Kawasan pelancongan Air Terjun Bahi Majo mempunyai kepelbagaiaan Flora dan Fauna yang berpotensi digunakan sebagai alat pendidikan ekopelancongan kepada pengunjung.

Penemuan penyelidik ini adalah terdapat dua ekosistem iaitu ekosistem sungai dan ekosistem hutan serta merangkumi kepelbagaiaan 40 jenis Flora dan 21 jenis Fauna. Di kawasan Air Terjun Bahi Majo terdapat banyak jenis Flora dan Fauna. Air Terjun Bahi Majo, Kampung Bawodobora hanya memenuhi 3 prinsip asas pembangunan ekopelancongan daripada 5 prinsip sedia ada iaitu yang pertama pelancongan berasaskan alam semula jadi, yang kedua mempunyai pendidikan alam sekitar dan ketiga adalah kepuasan pelancong yang datang. Manakala dua asas

pembangunan ekopelancongan mampu yang tidak terpenuhi di Air Terjun Bahi Majo iaitu, mampu secara ekologi dan yang kelima adalah memberikan manfaat kepada komuniti.

Kajian Mira Hasti Hasmira (2021) mendapati komuniti setempat mempunyai kearifan atau kemahiran ekopelancongan kawasan Air Terjun Nyarai Salibutan. Kemahiran yang diperolehi oleh komuniti dianggap mampu menggembangkan aktiviti ekopelancongan yang ada di kawasan tersebut. Pengetahuan berkaitan selok belok kawasan Ekopelancongan Nyarai Salibutan di Hutan Gamaran oleh komuniti setempat menjadi bentuk interaksi manusia dengan alam sekitar. Hal ini dianggap mampu untuk memelihara ekosistem hutan dan kelangsungan hidup komuniti setempat yang masih lagi menjadikan hutan sebagai tempat untuk mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, hasil daripada aktiviti ekopelancongan tingkat ekonomi komuniti setempat akan semakin membaik dan ekosistem alam semulajadi dapat dikekalkan. Tambahan pula, dengan wujudnya aktiviti ekopelancongan masyarakat setempat tidak hilang identiti budaya kerana budaya yang ada mampu dijadikan sebagai aset yang dapat dikongsikan dan dipertontonkan kepada pelancong yang ada. Hasil daripada kajian yang dijalankan, maklumat yang diperolehi bahawa kawasan ekopelancongan Nyarai diuruskan oleh kumpulan kesedaran pokdarwis yang dinamakan *LA Adventure* dan dipengerusikan oleh Ritno Kurniawan. Pusat ekopelancongan Air Terjun Nyarai Salibutan menawarkan pelbagai aktiviti kepada para pelancong yang datang, antara pakej yang ditawarkan kepada pelancong adalah seperti mendaki, berkhemah, memerhati kepelbagaiannya spesis burung serta aktiviti menangkap ikan menggunakan leming atau tombak.

Kajian Velan Kunjuraman et al. (2022) bertajuk *Community-Based Ecotourism as a Tool for Social Transformation of Rural Communities: Victory or Quagmire?* menunjukkan bahawa ekopelancongan boleh menjadi alat penting dalam membantu pembangunan komuniti, terutamanya di negara membangun. Kajian ini membuktikan bahawa aktiviti ekopelancongan mampu berperanan sebagai alat transformasi sosial kepada komuniti tempatan yang terlibat secara aktif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pendekatan penyelidikan kualitatif, di mana anda boleh mendalami dan memerhatikan bidang yang dilaksanakan. Penglibatan pengasas dan komuniti tempatan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti ekopelancongan juga dikenali sebagai elemen penting yang menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanan transformasi sosial dalam konteks kajian ini.

Kajian oleh Juliana et al. (2023) dalam *Community-Based Ecotourism in Sawarna Tourism Village* meneliti pembangunan ekopelancongan di Pantai Sawarna Srikandi, yang merupakan salah satu pantai tercantik di Banten, Indonesia. Terletak di Kampung Sawarna, Kabupaten Lebak, pantai ini menawarkan gabungan pengalaman pengembalaan dan keselesaan kepada pelancong. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif untuk memahami pembangunan ekopelancongan di kawasan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan ekopelancongan di Kampung Sawarna bergantung kepada penglibatan aktif komuniti setempat. Komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam menyokong program pelancongan yang dijalankan, termasuk bekerja sebagai penjaga tiket masuk, mengurus kawasan pelancongan, dan mengambil bahagian dalam aktiviti pengurusan inap desa. Walau bagaimanapun, pekerjaan di sektor ini bersifat bermusim, yang kadangkala memerlukan penambahan pekerja di inap desa bagi menampung keperluan semasa.

Kajian Grace Marion et al. (2024) dalam Pengembangan Atraksi Wisata Untuk Keberlanjutan Kampung Ekowisata Keranggan Ekopelancongan Keranggan mempunyai potensi besar sebagai destinasi pelancongan berdasarkan alam semula jadi dan budaya. Namun, bagi memastikan

kelestarian pelancongan serta menarik lebih ramai kedatangan pelancong berkayak, memanah, *jungle tracking*, berkhemah diperlukan usaha pengembangan yang lebih strategik dalam pelbagai aspek. Beberapa tarikan pelancongan yang sedia ada masih memerlukan peningkatan, termasuk penggunaan ruang yang lebih efektif, penambahan tarikan khusus untuk pelancong individu, penyediaan maklumat yang lebih komprehensif mengenai tempahan melalui media sosial, serta penambahbaikan kemudahan sokongan yang berkaitan dengan tarikan pelancongan utama. Melalui langkah-langkah ini, Ekopelancongan Keranggan berpotensi untuk berkembang sebagai destinasi pelancongan yang lebih menarik dan mampan, serta mampu menarik pelawat dari pelbagai lapisan masyarakat.

### Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini telah dilakukan di Kampung Minangkob di kawasan air terjun Murug Turug, dipilih sebagai kawasan kajian kerana lokasi ini aktif dalam menjalankan aktiviti ekopelancongan di kawasan luar. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan untuk memahami ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) serta penglibatan komuniti serta cabaran yang dihadapi di Kampung Minangkob di kawasan air terjun Murug Turug. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji untuk mengumpul maklumat yang mendalam tentang bagaimana komuniti terlibat dalam aktiviti ekopelancongan serta mengetahui cabaran yang dihadapi di Murug Turug. Data kualitatif biasanya diperoleh melalui temu bual, pemerhatian langsung, penggunaan bahan audiovisual untuk merekod keadaan sebenar, serta analisis dokumen dan laporan yang berkaitan.



**Rajah 1: Peta Murug Turug Kampung Minangkob, Tamparuli, Sabah**

Sumber: GoogleMaps, 2024

Kampung Minangkob merupakan salah satu kampung yang terdapat di Tamparuli Sabah. Asal usul nama Kampung Minangkob cerita yang pertama perkataan kampung Minangkob ini berasal dari perkataan Dusun yang bermaksud bergabung untuk berperang. Pada zaman dahulu kampung yang kuat merupakan kampung yang berkuasa. Oleh tu untuk menguatkan lagi kampung yang berperang sesama kampung perlunya gabungan dari kampung yang lain. Hal ini disebabkan oleh, kampung yang berada di kawasan Kampung Minangkob bermusuh dengan kampung yang lain. Kedua, ada juga versi yang mengatakan bahawa nama "Minangkob" berasal daripada perkataan "tangkob" yang merupakan tempat penyimpanan padi tradisional selepas menuai. Kampung Minangkob mempunyai kawasan air terjun yang menarik dengan pelbagai aktiviti berasaskan ekopelancongan (CBE). Kawasan Air Terjun Murug Turug dikendalikan oleh Murug Turug ecotourism (MTET) yang terdiri daripada komuniti kampung

Minangkob sendiri. Walaupun terdapat aktiviti ekopelancongan yang dilaksanakan dikawasan Air Terjun Murug Turug, namun masih terdapat cabaran yang dihadapi oleh MTET dan komuniti setempat kampung Minangkob yang terlibat dalam aktiviti ekopelancongan (CBE) Murug Turug.

### **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (pendekatan semula jadi yang tidak menganggu struktur kuasa dan sosial sesebuah komuniti) untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin dan Lincoln, 1994). Kaedah kutipan data yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual mendalam, pemerhatian dan sumber data sekunder.

### **Temu Bual Mendalam**

Dalam kaedah ini, temu bual atau in-depth interview merujuk kepada perbualan atau pertukaran pendapat antara dua orang atau lebih mengenai isu yang menjadi tarikan kepada mereka untuk dibincangkan (Tracy. S. J, 2013). Pengkaji menemubual informan di lokasi

kajian iaitu di kawasan pendaftaran Murug Turug, kawasan Air Terjun Murug Turug Kampung Minangkob, Tamparuli, Sabah dan di rumah ketua kampung. Informan yang di temubual adalah dalam kalangan komuniti yang mempunyai jawatan serta berkaitan dengan kawasan kajian di Air Terjun Murug Turug Kampung Minangkob Tamparuli, Sabah. Informan yang ditemu bual adalah ketua Kampung Minangkob, Pengurus Air Terjun Murug Turug, AJK MTET, JPKK, Inap Desa, Persatuan Tagal, Badan Adat kampung Minangkob, Gereja SIB, Peniaga, Pemandu pelancong (*guide*) yang membawa pelancong ke Air Terjun dan pelancong. Pengkaji memilih seramai 20 orang informan dalam kalangan komuniti yang terlibat dalam Air Terjun Murug Turug kerana mereka adalah jawapan kepada persoalan dalam kajian ini. Selain itu, informan ini adalah kunci kepada data dalam kajian ini melalui pengalaman informan berkaitan Air Terjun Murug turug serta ekopelancongan berdasarkan komuniti. Sebelum memulakan temu bual, pengkaji memberikan penerangan kepada informan berkaitan perkara yang akan dilakukan semasa sesi temu bual berlangsung.

**Jadual 2: Senarai Informan**

Bil.	Jawatan	Peranan	Jumlah
1	Ketua Kampung	Menjaga dan menyelesaikan masalah yang wujud di Kampung Minangkob Tamparuli, Sabah	1
2	Pengurus	Mengurus kawasan Air Terjun Murug Turug	1
3	Pemandu pelancong ( <i>guide</i> )	Membawa pelancong dan menjelaskan berkaitan kawasan Air Terjun Turug Murug	4
4	Ahli-ahli penting dan persatuan yang terlibat: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Murug Turug (MTET)</li> <li>ii. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)</li> <li>iii. Persatuan Tagal Kampung</li> <li>iv. Pengusaha Inap Desa</li> <li>v. Badan Adat Kampung</li> <li>vi. Wakil Gerja</li> <li>vii. Dahai <i>Campsites</i></li> <li>viii. Peniaga</li> </ul>	Menjalankan tugas-tugas berkaitan persatuan masing-masing  Mengadakan mesyuarat dan aktiviti kampung seperti gotong-royong	10

5	Pelancong	Menjalani aktiviti ekopelancongan yang disediakan mengikut pakej yang dipilih oleh pelancong sendiri	4
---	-----------	--	---

Sumber: Kajian Lapangan, 2024

### **Pemerhatian**

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian ini untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji akan berkomunikasi dengan informan semasa mendapatkan data. Pengkaji akan memerhati aspek perjalanan operasi Murug Turug. Pengkaji akan memerhati perbincangan di antara pengurus dan pemandu pelancong (*guide*) ataupun antara pemandu pelancong (*guide*) dengan pelancong. Selain itu, pengkaji juga akan memerhati kemudahan yang di sediakan di Air Terjun Turug Murug sebagai contoh kemudahan tongkat, pondok rehat, tandas dan papan tanda. Pengkaji turut memerhati aktiviti yang berlangsung di sekitar Kampung Minangkob dan pejabat pendaftaran Air Terjun Murug Turug. Pemerhatian ini turut diperkuat apabila pengkaji mendaki ke Air Terjun Turug Murug secara langsung dapat melihat aktiviti ekopelancongan dan kemudahan yang disediakan secara langsung oleh pengkaji. Sekaligus pengkaji dapat pengalaman Ketika berada di tujuh air terjun Murug Turug.

Menurut Schmuck (1997), pemerhatian bermakna pengumpulan data yang bersifat kualitatif yang melibatkan pengkaji untuk melihat, mendengar dan merakam apa yang dilihat dengan berhati-hati pada situasi tertentu. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan pemerhatian dengan menggunakan alat bantu seperti kamera digital, alat perakam dan juga catatan nota lapangan untuk mendapatkan data melalui pemerhatian yang dilakukan. Proses ini melibatkan pengkaji sendiri turun ke kawasan kajian dengan memerhatikan penglibatan ahli komuniti dalam aktiviti pelancongan berdasarkan alam semula jadi.

### **Sumber Data Sekunder**

Data sekunder merupakan suatu data yang belum dianalisis atau ditafsir di mana data tersebut boleh dianalisis dan ditafsir semula. pengkaji yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada (Hasan, 2002). Bahan-bahan seperti ini boleh didapati di pelbagai tempat seperti perpustakaan iaitu, dokumen dan internet. Kajian perpustakaan adalah salah satu kaedah dalam penulisan yang bertujuan untuk mengulas pelbagai maklumat yang diperoleh termasuklah penemuan kajian lepas yang dijadikan sumber rujukan pada masa kini.

### **Kaedah Analisis Data Kualitatif**

Dalam kajian ini, kaedah analisis data kualitatif iaitu dengan menggunakan empat fasa. Yang pertama adalah Temu bual dirakam menggunakan alat perakam suara, kedua adalah mendengar semula rakaman dan membuat transkip, ketiga membentuk tema dan sub tema daripada transkip adalah melibatkan fasa dan yang keempat adalah memasukkan petikan temubual ke dalam tema dan Sub tema yang sesuai. Empat fasa ini menggambarkan empat peringkat yang terlibat dalam melakukan kaedah analisis data kualitatif.

### **Cabar yang dihadapi Ahli Komuniti dalam Melaksanakan Aktiviti di Kawasan AirTerjun Murug Turug**

Berdasarkan dapatan kajian jelas menunjukkan terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh ahli komuniti dalam melaksanakan aktiviti di kawasan air terjun Murug Turug. Antaranya adalah sumber kewangan yang terhad, sikap dan tingkah laku pelancong, kekurangan kemudahan, cabaran pemandu pelancong (*guide*), cabaran pengurusan MTET, cabaran komunikasi, cabaran perubahan cuaca dan banjir kepala air, Gangguan Tebuan dan cabaran dalam hal mistik. Penjelasan yang diberikan berikut di sokong oleh kenyataan yang dikongsi

oleh Informan daripada MTET, rangkaian sosial MTET dan data pemerhatian oleh pengkaji semasa kutipan data di lapangan.

### Sumber Kewangan yang Terhad untuk Pembangunan Fasiliti

Mengurus aktiviti ekopelancongan milik persendirian adalah berbeza dengan mengurus aktiviti ekopelancongan berasaskan komuniti. Hal ini kerana, ekopelancongan persendirian dapat melakukan pembuatan keputusan melaksanakan aktiviti pelancongan dan pembangunan fasiliti yang berkaitan dengan pantas. Ini termasuklah juga aspek pembahagian keuntungan tidak perlu melalui pembahagian dengan ramai pihak lain yang terlibat. Dengan itu, ekopelancongan milik persendirian dapat menggunakan pendapatan yang diperolehi untuk memperbaiki dan membangunkan kemudahan prasarana dengan lebih cepat. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 4:

*“...kalau dari segi pembangunan, bagi ekopelancongan komuniti dia punya kewangan memang agak lambat meningkat sebab dia punya kewangan auto terbahagi secara langsung kepada siapa yang terlibat iaitu komuniti yang terlibat. Jadi untuk pembangunan dia agak lambat berbanding ekopelancongan persendirian. Itulah pembangunan tandas dan pondok agak lambat la...”*

(Informan 4, Februari, 2024)

### Sikap dan Tingkahlaku Pelancong Tidak Menghormati Alam

Dalam ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) di kawasan air terjun Murug Turug kerena para pendaki merupakan cabaran utama yang sering kali dihadapi oleh semua pemandu pelancong (*guide*) dan ahli MTET. Terdapat para pelancong yang mudah untuk di tangani dan mengikut peraturan. Namun terdapat juga para pelancong yang pelbagai sikap dan tingkahlaku sepertimana yang jelaskan oleh Informan 2 dan 3. Ini menjadi cabaran utama kepada ahli komuniti kampung Minangkob yang juga ahli MTET. Berdasarkan penyataan daripada informan yang menyatakan terdapat pelbagai kerena dan pengalaman yang dilalui oleh ahli MTET. Menurut informan:

*“aa selain kerena hikers yang macam macam la, jadi memang kerena dorang itu macam-macam ada”.*

(Informan 2, Februari 2024)

Menurut informan lain pula:

*“banyak pengalaman yang saya pernah alami suda contohnya yang paling susah saya bawa adalah pelancong yang tidak hormat alam. Semasa briefing ada juga kami maklumkan sila hormat alam bukanya ada ritual apa tapi lam itu dorang yang dulu dari kita jadi kita kena hormat. Ada penjungung yang susah untuk kawal, percakapan dia tidak kawal, dan bila sampai di sana sakit. Memang dia sakit sebab gangguan bukan juga, sakit sebab lapar bukan juga. Tapi semua laitu. Bila mau kasi habis trail, terpaksa berjalan berjam-jam sampai angkat lagi”.*

(Informan 3, Februari 2024)

### Pembangunan Kemudahan Asas yang Terhad

Kekurangan kemudahan di kawasan ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) Kampung Minangkob adalah cabaran yang dihadapi oleh MTET. Oleh itu, pelaksanaan ekopelancongan berasaskan komuniti menghadapi beberapa cabaran yang berkaitan dengan kekurangan kemudahan asas. Kemudahan seperti pondok dan jambatan adalah kemudahan asas yang penting dalam memastikan keselesaan dan keselamatan pelancong yang mendaki di Murug Turug. Namun, kajian ini mendapati ahli MTET menghadapi beberapa cabaran dalam penyelenggaraan dan pembangunan fasiliti ini seperti yang dijelaskan oleh informan di bawah:

*“La pondok pondok ini ada suda haritu cuma suda hanyut la. Kemudian berkaitan juga dengan jambatan yang untuk menghubungkan ke sebarang ke sebarang itupun kami proses dalam cuba mengusahakan la. Jadi kemudahan itu memang betul-betul setakat ini yang asas saja”.*

(Informan 2, Februari 2024)

Selain itu, kemudahan lain yang diperlukan di kawasan ini adalah seperti berikut:

*“Itu saja pondok-pondok sana Murug Turug, memang ada kemudahan yang mau disediakan sekarang adalah tandas dan pondok”.*

(Informan 5, Februari 2024)

### Cabarannya Dihadapi Pemandu Pelancong

Perasaan malu berhadapan dengan pelancong luar merupakan cabaran peringkat awal ketika MTET dibuka. Apabila ingin memulakan sesuatu perkara, ramai ahli MTET mempunyai perasaan malu berdepan dengan pelancong. Terutamanya pelancong yang datang dari luar negara. Pemandu pelancong mempunyai perasaan malu untuk berhadapan dengan orang luar. Komuniti setempat mempunyai perasaan malu untuk berhadapan dengan orang luar, lagi-lagi dengan ‘orang putih’ iaitu pelancong Barat. Hal ini dijelaskan oleh Informan 2 menerusi temu bual seperti yang ditunjukkan di bawah:

*“Mula-mula itu malu jumpa orang luar tapi lama lama biasa suda jumpa banyak kerena ada terlebih mesra ketawa-ketawa ada yang datang dengan sifat pendiam dan pemalu, cakap mau pi tandas pun tidak berani. Kami sebagai pemandu pelancong (guide) dibiasakan untuk memulakan komunikasi dengan hiker. Jadi hiker selesa yang pendiam pun tidak malu-malu untuk bagitau dan yang mesra pun begitu. Kami secara automatic dilatih untuk layan banyak orang dari pelbagai asal dan bangsa”.*

(Informan 2, Februari 2024)

### Cabarannya Pengurusan MTET

Walau pun pada awal penubuhan Murug Turug mendapat sokongan penuh dalam kalangan ahli komuniti Kampung Minangkob, namun, terdapat segelintir ahli komuniti yang memandang sinis terhadap penubuhan Murug Turug. Ini merupakan cabaran awal yang dihadapi oleh MTET. Pandangan sinis segelintir komuniti serta tidak yakin dengan

kemampuan para AJK MTET pada ketika itu. Walaupun Murug Turug adalah konsep ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE), namun, ia tidak terlepas menerima cabaran daripada kalangan ahli komuniti mereka sendiri. Hal ini diakui oleh informan seperti di bawah:

*“aa memang tidak dinafikan ada segelintir kecil sahaja dalam peratusan tiga hingga empat peratus ygng memang memandang sinis terhadap penubuhan ini la. Dorang mungkin sebab melihat dari segi kemampuan para ajk pada waktu itula. Dan bila ditubuhkan aa ada yang meragukan dengan penubuhan ini. Tapi bila mereka melihat kedatangan pelancong yang ramai syukur semua tidak ada suda berpandangan negatif suda la semuan menyokong. Pada peringkat permulaan iya”.*

(Informan 2, Februari 2024)

Informan lain menambah:

*“Pada awalnya, saya tengok ada juga yang tidak berapa setuju sebab bermula dari kelompok kecil tapi lama-lama dorang setuju juga la”.*

(Informan 1, Februari 2024)

### **Cabaran Berkomunikasi dalam Bahasa Asing**

Cabaran adalah aspek yang mendarangkan kesukaran dalam menjalankan sesuatu. Namun, setiap cabaran mempunyai jalan penyelesaian yang dapat diatasi. Sama seperti yang dialami oleh komuniti Kampung Minangkob dalam melaksanakan aktiviti MTET terdapat cabaran namun berjaya diatasi. Cabaran seterusnya yang dialami oleh Ahli MTET dan komuniti Kampung Minangkob adalah masalah berkomunikasi dalam bahasa asing. Oleh itu, berdasarkan perkongsian oleh salah seorang informan yang merupakan pemandu pelancong Murug Turug menjelaskan bahawa cabaran untuk diri beliau sendiri adalah kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelancong luar negara. Namun masalah tersebut dapat diatasi dengan cara informan berkomunikasi bersama pelancong luar setiap hari. Kesannya, keberanian untuk berkomunikasi terutama dalam bahasa asing terus berkembang. Menurut Informan 3:

*“Untuk diri sendiri biasa cabaran yang susah saya hadapi becakap sama luar negara saja bah. Tapi dapat di Atasi. Jadi kami jumpa ramai orang keberanian kami meningkat la.”*

(Informan 3, Februari 2024)

Pengalaman berhadapan dengan cabaran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris juga dijelaskan oleh infoman lain seperti di bawah:

*“Kalau kemahiran komunikasi ada juga kmi punya pemandu pelancong (guide) dulu tidak berani becakap sama orang luar bah, diam saja bila komunikasi masuk jadi pemandu pelancong (guide) kami ajar seja jadi sekarang bole suda bawa pelancong. Walaupun tidak lancar macam pemandu pelancong (guide) lain bole suda. Sekurang-kurangnya dorang berani suda tu pelancong”.*

(Informan 4, Februari 2024)

### **Perubahan Cuaca dan Banjir Kepala Air**

Salah satu cabaran dalam ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) di Murug Turug adalah cuaca dan kepala air. Cuaca termasuk panas kemarau atau hujan lebat. Ketika cuaca panas, aktiviti hiking boleh menjadi sangat mencabar dan pelancong mudah penat terutamanya dengan risiko keletihan panas atau dehidrasi. Dalam keadaan panas, pemandu pelancong perlu sentiasa

waspada dan memastikan pelancong membawa bekalan air yang mencukupi serta berasah secukupnya. Hal ini dijelaskan oleh Informan 2:

*"Iya, aa secara langsung memang iya. Kalau mendaki (hiking) sini cuaca panas memang aa ada masalah untuk cepat. Takut juga pengen ka apa. Dan kalau hujan la pula takut banjir. Memang mempengaruhi jugala".*

(Informan 2, Februari 2024)

Informan 5 pula menjelaskan cabaran ini seperti di bawah:

*Cabaran macam ini hari kan hujan sebelum sampai, Murug Turug ada jalan pintas terpaksa tidak habis la. Kami kasi jalan pintas. Itu jalan pintas adalah jalan yang tidak menyelusuri sungai.*

(Informan 5, Februari 2024)

### **Gangguan Serangga Berbisa**

Tebuan merupakan cabaran besar di Murug Turug. Walaupun ketua *trail* telah beberapa kali cuba membakar sarang tebuan, usaha tersebut belum sepenuhnya berhasil. MTET terpaksa membuat laluan alternatif untuk mengelakkan kawasan tersebut. Tebuan bersarang di bawah tanah menyukarkan usaha untuk mengawalnya berbanding jika sarangnya di permukaan tanah atau atas pokok. Kajian mendapati ada pelancong yang telah disengat. Hal ini memberi cabaran keselamatan khususnya kepada pelancong. Menjelaskan mengenai perkara ini informan mengatakan:

*"Ia tebuan itu cabaran juga tu berapa kali suda kami punya ketua trail pergi apa tu bakar tapi belum berhasil lagi sepenuhnya. Mahu tidak mahu kita kasi buat laluan tu elak. Mungkin itu rumah dia suda kn. Itu tebuan bawah tanah bah. Kalau di atas bagus senang handle. Kalau bawa tanah susah sikit handle ada juga yang kena sengat".*

(Informan 4, Februari 2024)

Selain di bawah tanah, tebuan juga bersarang di pokok seperti yang dinyatakan oleh Informan 3 di bawah:

*"Ada lagi pokok Tualang tempat persinggahan tebuan yang besar-besar itu lebah".*  
(Informan 3, Februari 2024)

### **Percaya dalam Hal Mistik**

Seterusnya terdapat cabaran dalam hal mistik di Kampung Minangkob, terutama sekali di kawasan MTET. Ketika memberi taklimat kepada para pendaki, pemandu pelancong sentiasa menekankan pentingnya menghormati alam semula jadi dengan prinsip "hormati alam dan alam akan menghormati anda." Keyakinan ini membantu menjaga hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitar. Terdapat juga yang berpandangan lain terhadap air terjun. Namun sebarang ritual adalah tidak dibenarkan di kawasan Murug Turug.

*"Bagi kami Murug Turug tidak ada, sebab apa kami tekankan di sini biasa kami amalkan untuk bagi orang orang kampung di sini la dan sentiasa kami tekankan dengan hikers apabila kami bagi briefing la aa respect nature and nature will respect you. Ada juga hikers tertentu bukan semua la ada sedikit segelintir sahaja*

memang anggapan dorang lain terhadap air terjun dan pernah sekali juga ada request dari dorang aa untuk datang ke air terjun untuk buat ritual. Sebab mungkin dorang balik sakit. Tapi kami tidak layan”.

(Informan 2, Februari 2024)

Menurut Informan 13 pula:

“Badan istiadat ini ditubuhkan bukan sahaja menjaga adat kepada penduduk kampung tetapi untuk pengunjung pelancong itu sendiri la. Dalam kawasan pelancongan kami memang kami mengarahkan pemandu pelancong kami untuk menjaga tingkah laku dari perbuatan-perbuatan tingkah laku yang tidak senonoh atau perbuatan yang berbentuk ritual atau penyembahan kami tidak akan benarkan. Sebab tujuan dia kami tidak mahu seperti yang berlaku tempoh hari jatu sakit gara-gara pergi sana dan mereka berhasrat dan meminta keizinan untuk membuat perubatan disana kami tidak akan benarkan untuk penyembelihan. Kalau dibenarkan kami takut nanti penunggu itu akan jadi biasa. Ada sikit mau minta ada sikit mau minta”.

(Informan 13, Mac 2024)

## Kesimpulan

Pelbagai cabaran dihadapi oleh pengurusan Murug Turug Eco-Tourism (MTET) dalam usaha mereka untuk mengembangkan ekopelancongan berdasarkan komuniti. Cabaran utama yang dihadapi termasuklah masalah komunikasi dalam bahasa asing, kekurangan kemudahan asas seperti sumber air yang mencukupi dan kemudahan infrastruktur yang sering terjejas oleh bencana alam seperti banjir. Cabaran mistik dan keselamatan, terutamanya dalam menghadapi risiko kepala air dan serangan serangga berbahaya seperti tebuan, juga memerlukan perhatian khusus. Selain itu, kerjasama dengan pihak luar dan latihan berterusan kepada pemandu pelancong penting untuk memastikan perkhidmatan yang selamat dan berkualiti diberikan kepada para pelancong yang mengunjungi lokasi ini. Cabaran dari segi pengurusan inap desa, keperluan untuk memastikan kebersihan dan keselesaan memerlukan usaha berterusan. Dengan perancangan yang strategik dan kerjasama yang baik, MTET mampu mengatasi cabaran-cabaran ini dan terus memajukan ekopelancongan di Murug Turug sama ada dalam jangka pendek mahupun panjang demi mencapai pembangunan ekopelancongan berdasarkan komuniti yang lestari.

## Rujukan

- Abdul Gani, A. (2013). Memahami penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan lestari. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 15(2), 45-60.
- Amaano Fau (2020) <https://journal.ippts.ac.id/index.php/ED/article/view/1549>
- Badaruddin, M., & Nikmatul Adha, N. (2007). Sustainable tourism development: A case study of Malaysia. In *Proceedings of the International Conference on Sustainable Tourism* (pp. 21-30).
- Bourdieu, P. (1986). *The forms of capital*. In J. Richardson (Ed.), *Handbook of theory and research for the sociology of education* (pp. 241-258). Greenwood Press.
- Coleman, J. S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American journal of sociology*, 94, S95-S120.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (1994). *Handbook of qualitative research*. Sage Publications.
- Eco-tourism Society. (1982). *Ecotourism: A definition*.
- Fennell, D. A. (2001). A content analysis of ecotourism definitions. *Current issues in tourism*, 4(5), 403-421.

- Grace Marion et al. (2024). Pengembangan Atraksi Wisata Untuk Keberlanjutan Kampung Ekowisata Keranggan Ekopelancongan Keranggan  
<https://journal.pubmedia.id/index.php/pjpp/article/view/3308/3246>
- Gani, A. A., Kayat, K., & Ahmad, S. A. (2013). Memahami Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Lestari. In *Aceh Development International Conference*.
- Goodwin, H., & Santilli, R. (2009). Community-Based Toursim: a success. ICRT Occasional Paper 11.
- Hasan, A. M. (2002). *Menyelesaikan skripsi dalam satu semester*. Grasindo.
- Hassin, N. H. (2019). Economic benefits of ecotourism for local communities and overnment.
- Hasmira, M. H., Barlian, E., Fatimah, S., & Umar, I. (2021). The role of local wisdom of the community of the Gamaran forest area in the development of Nyarai Salibutan eco-tourism as a development of ecosystem services. *Central Asian Journal of Literature, Philosophy and Culture*, 2(7), 39-46.
- Kunjuraman, V., Hussin, R., & Aziz, R. C. (2022). Community-based ecotourism as a social transformation tool for rural community: A victory or a quagmire?. *Journal of Outdoor Recreation and Tourism*, 39, 100524.
- Mowforth, M., & Munt, I. (1998). *Tourism and sustainability: Development, globalisation and new tourism in the third world*. London: Routledge.
- Mathieson, A., & Wall, G. (1982). *Tourism, economic, physical and social impacts* (p. 208pp).
- Mohamed, B., & Nordin, N. A. (2007). Tourism Planning (Perancangan Pelancongan). *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*, 33-34.
- Nancy Shukri Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Strategik Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Dalam Strategik Motac 2021-2025.
- Tracy, S. J. (2013). *Qualitative research methods: Collecting evidence, crafting analysis, communicating impact*. Wiley-Blackwell.
- Pretty, J. N. (1995). The Many Interpretations of Participation. In Focus. 16: 4-5. *The International Ecotourism Society* (2012), <https://www.globalecotourismnetwork.org/International-Ecotourism-Society>
- Kayat, K., & Nor, N. A. M. (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunankomuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah (Community Members Involvement in Community Development Programme: Homestay Programme in Kedah). *Akademika*, 67(1)
- Kayat, K & Nor, N. A. M. (2005). Penglibatan Komuniti Dalam Pelancongan. Kedah: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosazman Hussin & Velan Kunjuraman. (2014). Pelancongan mapan berdasarkan komuniti (CBT)melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM*
- Sihombing, S. O., & Suwu, S. E. (2023). Community-based ecotourism in Sawarna tourism village. *Enrichment: Journal of Management*, 13(1), 258-269.
- Spicker, P. (1995). *Definitions of community*. In *The Nature of Community*. London: Routledge.
- Putnam, R. D. (1993). The prosperous community. *The american prospect*, 4(13), 35-42.
- Schmuck, P. (1997). *Qualitative research in education: A user's guide*. New York, NY: Routledge.
- World Commission on Environment and Development. (1987). *Our common future: Report of the World Commission on Environment and Development*.
- Zainal, N., & Hassan, R. (2023). The role of biodiversity in promoting ecotourism: A case study from Malaysia. *Planning Malaysia Journal*, 21(3), 55-67.